

# 'Patuh arahan henti intip'

BH-24/2/2007.

## Jabatan agama negeri wajar akur saranan Perdana Menteri: Dr Abdullah

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail, Saufi Hamzah, Azman Mahmood, Shamsul Kamal Amarudin, Azrina Ahzan, Rafidah Mat Ruzki, Matzidi Dris dan Mohammad Ishak

**P**UTRAJAYA: Semua jabatan agama Islam negeri diminta mematuhi arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, supaya menghentikan sebarang usaha mewujudkan kumpulan pengintip bagi mengesan perbuatan sumbang atau maksiat di kalangan umat Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin, berkata walaupun tidak ada arahan bertulis dikeluarkan setakat ini, kenyataan Abdullah selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) berhubung perkara itu harus dipatuhi.

MKI yang dianggotai ulama dan pemimpin kerajaan diwujudkan untuk mencapai Misi Nasional dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Memang belum ada arahan dikeluarkan, tapi saya harap semua Jabatan Agama Islam negeri akan mematuhi saranan Perdana Menteri. Jadi saya harap isu ini tidak dipanjangkan lagi," katanya kepada *Berita Harian* di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Abdul-

### FAKTA

#### ● Jun 1998

Badan Amal Makruf Nahi Mungkar (Badar) yang diperkenalkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) pada 1996 dibubarkan kerana penyalahgunaan kuasa

#### ● Mac 2005

Unit Khas Mat Skodeng yang ditubuhkan kerajaan Melaka dibubarkan kerana mencetuskan kontroversi

#### ● Januari 2006

Skuad Sukarelawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dibubarkan selepas dua hari ditubuhkan

lah di Jakarta kelmarin, yang mahu pentadbiran agama Islam kerajaan negeri menghentikan sebarang usaha mewujudkan kumpulan pengintip bagi mengesan perbuatan sumbang atau maksiat di kalangan umat Islam kerana banyak lagi cara lain untuk memperbaiki akhlak mereka.

Abdullah berkata, perbuatan itu boleh menimbulkan kesangsian terhadap Islam terutama apabila berlaku kes pasangan suami isteri war-

ga asing ditahan kerana disyaki khalwat, selain boleh dilihat sebagai mengganggu peribadi orang lain.

Kenyataan itu timbul selepas Pengerusi Jawatankuasa Islam Hadhari Terengganu, Datuk Rasol Wahid, dilaporkan mahu mewujudkan program melatih kumpulan pengintip bagi risikan mengesan perbuatan maksiat di kalangan umat Islam di negeri itu.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Mustafa Abdul Rahman, berkata perbuatan mengintip untuk mengesan perbuatan sumbang atau maksiat walaupun bertujuan baik bagi membanteras gejala itu salah di sisi agama.

Katanya, Jakim berharap semua pihak, termasuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri dapat mematuhi arahan Perdana Menteri mengenai perkara itu.

Sementara itu, kerajaan negeri dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri menyambut baik saranan Perdana Menteri bahawa masih banyak cara lain untuk menangani masalah itu tanpa menjejaskan imej Islam.

Di **JERTIH**, Kerajaan Negeri Terengganu sedia menghentikan sebarang usaha mewujudkan kumpulan pengintip selaras pandangan Perdana Menteri yang mahu agensi penguat kuasa maksiat menggunakan kaedah lain yang lebih sesuai.

Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh memberitahu pemberita selepas

perasmian Program Mesra Rakyat di Padang Sekolah Kebangsaan Seri Payong, Hulu Besut, dekat sini, semalam, kerajaan negeri tidak pernah menubuhkan skuad pengintip atau 'mat skodeng' seperti dilaporkan akhbar berbahasa Inggeris baru-baru ini.

Di **KUCHING**, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Agama Islam), Datuk Daud Abdul Rahman, berkata Sarawak tidak mempunyai kumpulan pengintip dan tidak bercadang mewujudkannya.

Katanya, Jabatan Agama Islam Sarawak (Jais) hanya menahan umat Islam yang didapati duduk berdua-duaan di tempat sunyi seperti dalam kereta dan tempat gelap dan mencurigakan.

Di **SHAH ALAM**, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Belia dan Mesra Rakyat Selangor, Datuk Abdul Rahman Palil, berkata Selangor mempunyai enakmen pentadbiran syariah sendiri yang boleh diguna pakai bagi menangani perbuatan menyalahi ajaran Islam seperti maksiat.

Beliau berkata, imam, bilal dan siai di setiap masjid dan surau di negeri ini sudah diberi kad kuasa yang membolehkan mereka membuat pemeriksaan jika ada aduan mengenai perbuatan maksiat berlaku di kawasan mereka.

Di **KANGAR**, Mufti Perlis, Dr Mohd Asri Zainul Abidin, berkata ak-

tiviti mengintip dan menyerbu pesalah khalwat di negeri itu sudah dihentikan selepas diarahkan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kasim tidak lama dulu.

Katanya, Perlis kini memberi tumpuan kepada usaha mencegah kemungkaran terbuka yang boleh menjejaskan imej Islam seperti wanita dan lelaki berdua-duaan di tempat awam, mat rempit, keganasan rumah tangga dan kebajikan isteri yang ditinggalkan suami.

Di **GEORGETOWN**, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah, berkata Pulau Pinang tiada pasukan atau kumpulan pengintip untuk perbuatan tidak dibenarkan.

"Kerajaan negeri berharap tidak ada mana-mana pihak cuba mengambil kesempatan untuk mengintip sesuatu yang menjadi hak peribadi orang atas alasan melaksanakan penguatkuasaan agama," katanya.

Di **IPOH**, Jabatan Agama Islam Perak (Jaip) melakukan tangkapan khalwat berasaskan maklumat orang ramai dan tidak menggunakan pasukan pengintip untuk tujuan itu.

Jurucakapnya berkata, orang ramai yang memberikan maklumat itu tidak diberikan bayaran dan mereka memberi maklumat secara sukarela.